



**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Kementerian Kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi melaksanakan kerja-kerja seperti berikut:-

BIL	TAJUK KERJA	TARAF SEBUTHARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	LAWATAN TAPAK (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
1	No. Sebutharga : <b>MPK/B/BPH/35</b> PERKHIDMATAN PENYEWAAN MESIN I-KIOSK UNTUK PENERIMAAN PEMBAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN LAIN-LAIN TERIMAAN HASIL.	<b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN &amp; KOD BIDANG 221502 &amp; BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN) &amp; BERDAFTAR DENGAN E-Tender Negeri Selangor</b>	<b>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</b>  <b>TAKLIMAT : TARIKH : 20/09/2016 (SELASA) MASA PENDAFTARAN : 8.00-9.30 pg MASA TAKLIMAT : 9.30 pg TEMPAT : Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang</b>  <b>Nota :</b> Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja.	<b>MULAI : 20/09/2016 (SELASA)</b>  Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  <b>Nota :</b> Penyebutharga dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran <b>ASAL &amp; SALINAN :</b> <b>1) Kementerian Kewangan (MOF)</b> <b>2) Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN)</b> <b>3) E-Tender Negeri Selangor</b>  <b>* Dokumen tidak akan dijual kepada penyebutharga yang tidak membawa sijil pendaftaran tersebut.</b>	<b>TARIKH TUTUP : 27/09/2016 (SELASA)</b>  Bahagian Ukur Bahan Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan  <b>Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan.</b>

**SYARAT-SYARAT :-**

1. Setiap dokumen Sebutharga dijual dengan harga **RM 40.00** Wang pembayaran tidak akan dikembalikan.
2. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **20 SEPTEMBER 2016** di Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan.
3. Bayaran untuk pembelian dokumen adalah dalam bentuk Wang tunai.
4. Peyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara on-line di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum membeli Dokumen Sebutharga. Penyebutharga dikehendaki mengemukakan **Resit Bayaran Pendaftaran** sebagai bukti Penyebutharga telah berdaftar secara on-line semasa membuat urusan pembelian Dokumen Sebutharga.
5. Dokumen Sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga seperti tertera di atas.
6. Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas **3 bulan** dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
7. Wakil yang hadir ke taklimat, **SATU** nama mewakili **SATU** syarikat.
8. Penyebutharga diwajibkan membawa **COP SYARIKAT** semasa menghadiri lawatan tapak atau taklimat.
9. Penyebutharga adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **20 SEPTEMBER 2016** jam 9.30 pagi di Auditorium Raja Ismail, Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat. **Pendaftaran selepas jam 9.30 pagi tidak akan dilayan.**
10. Penyebutharga yang tidak menghadiri taklimat dan lawatan tapak **tidak layak** untuk menyertai Sebutharga.
11. Penyebutharga dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran ASAL dan SALINAN Kementerian Kewangan (MOF), Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN) dan Resit pendaftaran E-tender Selangor** semasa pembelian dokumen.
12. Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam **Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Membuat Sebutharga** di dalam Dokumen Sebutharga sebelum mengemukakan Sebutharga. Jika dokumen Sebutharga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
13. Dokumen Sebutharga yang **lewat diterima** dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
14. Tarikh akhir penjualan Dokumen Sebutharga adalah pada **26 SEPTEMBER 2016**. Dokumen Sebutharga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi BAHAGIAN UKUR BAHAN di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :  
 BAHAGIAN UKUR BAHAN